

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian bagi membantu usahawan kecil dan sederhana termasuk penjaja warganegara yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, melalui Inisiatif Wilayah Cakna pada 26 Mac 2020, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan 2 inisiatif bagi membantu penjaja dan peniaga kecil yang terkesan dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu dengan meluluskan pengecualian sewa bagi tempoh 6 bulan bermula Mac hingga Ogos 2020 kepada penjaja dan peniaga kecil yang menyewa lot gerai di pasar dan pusat penjaja milik DBKL dan memberi bantuan sumbangan secara *one-off* Ehsan Covid-19 sebanyak RM500 kepada penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).

Pengecualian sewa pasar atau pusat penjaja DBKL telah diberikan kepada 6,708 akaun sewa aktif dengan anggaran jumlah sewa dan caj perkhidmatan sebulan sebanyak RM1.45 juta. Anggaran jumlah keseluruhan pengecualian bagi tempoh 6 bulan adalah sebanyak RM8.75 juta.

Manakala, sumbangan bantuan kewangan sebanyak RM500.00 secara *one-off* diberikan kepada pelesen penjaja yang terdiri dari Bazaria, *Food Truck*, gerai tepi jalan, pasar malam, pasar terbuka, penjaja beredar, permit sementara, penjaja waktu terhad, pasar tani, pasar berbangunan, pusat penjaja awam dan swasta, gerai berkunci serta kiosk. Sehingga 30 Jun 2020, nilai sumbangan yang telah dikreditkan atau dituntut adalah sebanyak RM8.57 juta melibatkan 17,148 penjaja dan peniaga kecil.

Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat jua, DBKL turut memberi peluang kepada warga Kuala Lumpur dalam sektor penjajaan dengan mengeluarkan Permit Sementara Penjaja Waktu Terhad Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Syarat-syarat permit sementara Penjaja Waktu Terhad sedia ada telah ditambah baik bagi memudahkan warga kota mencari rezeki dalam tempoh PKPP di

SOALAN NO : 10

samping terikat dengan pematuhan SOP dalam norma baharu. Permit Sementara Waktu Terhadap PKPP adalah diluluskan bagi tempoh 3 hingga 6 bulan. Penjaja diberi pilihan sama ada berniaga antara:-

- 1) Sesi pagi bermula jam 7.00 pagi hingga 10.00 pagi;
- 2) Sesi tengahari bermula jam 11.00 pagi hingga 2.00 petang;
- 3) Sesi petang bermula jam 4.00 petang hingga 7.00 malam; atau
- 4) Sesi malam bermula jam 7.00 petang hingga 12.00 malam.

Kadar bayaran Permit Sementara Penjaja Waktu Terhadap PKPP adalah seperti berikut;

- 1) RM20.00 sebulan bagi penjaja sementara statik gerai tepi jalan;
- 2) RM62.00 sebulan bagi penjaja sementara beredar (bonet kereta); dan
- 3) RM3.00 pelekat penjajaan (perlu diletak di atas alas meja dan mudah dilihat).

Jumlah penjaja yang telah diberi kelulusan Permit Sementara Penjaja Waktu Terhadap PKPP sehingga 9 Julai 2020 adalah 69 penjaja.

Sekian, terima kasih.